

Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Sokongan Sosial, Kendiri dan Pengurusan Emosi bagi Pembelajaran Atas Talian

(Reliability and Validity of Social Support, Self-Support and Emotional Management Instrumens for Online Learning)

Nurul Hudani Md Nawawi^{1*}, Habibie Ibrahim², Joki Perdani Sawai³

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, University of Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: nurul@ums.edu.my

²Fakulti Psikologi dan Pendidikan, University of Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: hibrahim@ums.edu.my

³Fakulti Psikologi dan Pendidikan, University of Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: joki@ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Nurul Hudani Md Nawawi
(nurul@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Sokongan sosial
Sokongan sendiri
Bebanan emosi
Pengajaran dan pembelajaran dalam talian

KEYWORDS:

Social support
Self-support
Emotional burden
Online teaching and learning

CITATION:

Nurul Hudani Md Nawawi, Habibie Ibrahim & JokiPerdaniSawai.(2023).
Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Sokongan Sosial, Kendiri dan Pengurusan Emosi bagi Pembelajaran Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002370. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2370>

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian memainkan peranan yang amat penting semasa berdepan dengan pandemik COVID-19. Kini, pembelajaran dalam talian bukan hanya sebagai bahan bantu mengajar tetapi sudah dikira sebagai kaedah utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun demikian pelbagai cabaran perlu dihadapi dan kesanggupan serta kejayaan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bergantung kepada beberapa faktor seperti sokongan sosial, sokongan sendiri dan juga bebanan emosi yang perlu diurus dengan baik khususnya golongan mahasiswa. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Bagi tujuan tersebut, borang soal selidik telah diedarkan dan seramai 263 orang pelajar terlibat dalam kajian ini (44 = pelajar lelaki, 219 = pelajar perempuan). Instrumen yang telah digunakan adalah *Medical Outcomes Study Social Support Survey* (MOS-SSS), *Interpersonal Self-Support Scale for Adolescent Students* (SSPS-AS) dan *Emotion Regulation Questionnaire* (ERQ). *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0 telah digunakan untuk menganalisis kebolehpercayaan dan kesahan item. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi MOS-SSS dan ERQ masing-masing adalah Cronbach = 0.934 dan 0.737 manakala SSPS telah menunjukkan alpha Cronbach = 0.707. Pearson's r untuk Domain-Total MOS-SS, SSPS-AS dan ERQ masing-masing berada dalam julat 0.715-0.898, 0.574-0.727 dan 0.516-0.795. Keputusan ini menunjukkan bahawa pindaan yang dibuat dalam kajian awal telah meningkatkan kebolehpercayaan instrumen. Ujian awal sedemikian adalah penting dipraktiskan terutamanya dalam usaha untuk

menggunakan instrumen tersebut dalam budaya yang berbeza sebelum penggunaannya diperluaskan bagi membolehkan hasil kajian yangdiperolehi nanti dapat digeneralisasikan dalm populasi secara menyeluruh.

ABSTRACT

Online teaching and learning plays a very important role in facing the COVID-19 pandemic. Now, online learning is not only as a teaching aid but is considered as the main method in the teaching and learning process (PdP). However, various challenges need to be faced and the willingness and success of online teaching and learning depends on several factors such as social support, self-support and also emotional burden that needs to be managed well, especially among students. The purposes of this study is to examine the reliability and validity of the instrument. For that purpose, a questionnaire was distributed and a total of 263 students were involved in this study (44 = male students, 219 = female students). The instrumens that have been used are Medical Outcomes Study Social Support Survey (MOS-SSS), Interpersonal Self-Support Scale for Adolescent Students (SSPS-AS) and Emotion Regulation Questionnaire (ERQ). Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27.0 was used to analyze the reliability and validity of the items. The results of the study show that the internal consistency reliability of the MOS-SSS and ERQ are respectively Cronbach = 0.934 and 0.737 while the SSPS has shown Cronbach's alpha = 0.707. Pearson's r for Domain-Total MOS-SS, SSPS-AS and ERQ were in the range of 0.715-0.898, 0.574-0.727 and 0.516-0.795 respectively. These results show that the amendments made in the pilot study have increased the reliability of the instrument. Such initial testing is important especially in an effort to use the instrumens that developed in different cultures before the usage is expanded so that the results of the study can be generalized.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini merupakan salah satu penelitian yang memiliki keaslian dalam menyelidiki sifat psikometrik instrumen pengukuran sokongan sosial, sokongan sendiri, dan pengurusan emosi bagi proses pembelajaran semasa pandemik COVID-19. Hasil penelitian ini memiliki potensi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat dan konteks pendidikan serta bagi penyelidikan masa depan.

1. Pengenalan

Pembelajaran dan pengajaran telah terkesan bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia akibat wabak COVID-19 yang telah tersebar dengan meluas. Ini senada dengan [Rohayati Junaidi et al. \(2020\)](#) yang berpendapat bahawa pandemik COVID-19 ini turut memberi ancaman dan memberi implikasi terhadap sistem sosioekonomi Malaysia. Dalam hal ini sekatan yang dilakukan oleh kerajaan telah menjejaskan sistem pendidikan negara keseluruhan di pelbagai tahap termasuklah pengajian di peringkat universiti sehingga memberikan masalah apabila terdapat segelintir pelajar berdepan dengan pelbagai risiko antaranya ketidakfokusan dalam pembelajaran, penangguhan semester sehingga tidak

dapat meneruskan pendidikan ke peringkat sepatutnya. Hal ini mengakibatkan sesetengah pelajar mengambil masa yang agak lama untuk menamatkan pengajian mereka sebagaimana yang dirancang. Kewujudan situasi yang semakin teruk ini telah mendesak UNESCO untuk melabelkan situasi ini sebagai kecemasan pendidikan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Oleh hal yang demikian, satu salah alternatif yang dijamin dapat membantu sistem pendidikan untuk terus berlangsung adalah melalui sistem pembelajaran dalam talian yang dilihat berpotensi menjadi penyelesaian untuk masalah ini.

Dalam hal ini, virus COVID-19 ini bukanlah menjadi penghalang untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar. Malahan kerajaan mengambil langkah yang sesuai untuk melanjutkan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa bersemuka dengan tidak melibatkan sentuhan fizikal atas usaha untuk mengurangkan penularan virus COVID-19. Namun begitu, pembelajaran dalam talian sedemikian memerlukan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap sama ada di universiti mahu pun di rumah. Infrastruktur yang mantap di peringkat universiti, kebangsaan, dan peranti pengkomputeran yang mencukupi serta berpatutan untuk pelajar amat signifikan bagi menjayakan pembelajaran dalam talian (Aguilera-Hermida, 2020). Bukan itu sahaja malah pelajar itu sendiri perlu memiliki kemudahan seperti komputer riba, telefon pintar serta sumber kewangan yang mencukupi untuk membeli data internet bagi pelaksanaan sistem pembelajaran atas talian ini.

Kaedah pembelajaran tanpa bersemuka atau dikenali sebagai pembelajaran atas talian ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pelajar terutama dari segi psikologi mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar mula merasa bosan dengan pembelajaran dalam talian selepas dua tahun menjalani kaedah pembelajaran atas talian dari rumah. Selain itu, terdapat kebimbangan yang agak ketara bagi responden atau pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, kerana ketidakcukupan kewangan untuk membeli data internet yang begitu banyak bagi membolehkan penglibatan pembelajaran dalam talian. Bukan itu sahaja, malah terdapat juga pelajar yang mengalami perubahan mood. Dikatakan perubahan tersebut berlaku adalah disebabkan terlalu banyak tugas (Irawan et al., 2020).

Berikutan pelbagai langkah telah dikenakan, seperti penjarakan sosial dan fizikal yang ketat, kuarantin, penutupan mandatori semua sekolah dan sekatan perjalanan yang ketat mengundang kepada peningkatan bebanan. Menurut Labrague et al. (2021) langkah-langkah tersebut akan mengakibatkan gangguan emosi dan psikologi termasuk pengasingan sosial dan kesunyian terhadap individu terutamanya dalam kalangan golongan muda. Hal ini berlaku adalah disebabkan oleh rutin harian dan interaksi sosial rakan sebaya serta keluarga mereka terganggu akibat daripada sekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika negara berdepan dengan wabak COVID-19. Bagi meneroka isu dan mencari strategi penyelesaian, satu kajian bakal dijalankan. Untuk merealisasikan matlamat itu, penggunaan instrumen dalam kajian ini sedikit sebanyak membantu dalam usaha mendapatkan maklumat penting melalui kajian ini.

Namun begitu, kesemua instrumen ini telah dibangunkan di negara-negara Barat. Oleh itu kebanyakannya adalah sesuai dalam konteks budaya Barat. Misalnya dalam konteks sampel penyelidikan ini berbeza daripada versi asal dan instrumen telah diterjemahkan ke dalam bahasa yang berbeza. Oleh yang demikian, penggunaan instrumen tersebut perlu dibuat secara terperinci dan tersusun. Ia melibatkan beberapa peringkat utama iaitu kesahan kandungan dibantu oleh pakar dalam bidang berkaitan, pembangunan kriteria

berkaitan dan kesahan konstruk diikuti dengan ujian kebolehppercayaan. Ini disokong oleh [Marzita et. al \(2020\)](#), menyatakan bahawa apabila instrumen asal telah diterjemahkan dan disesuaikan, ia perlu diuji untuk kesahan dan kebolehppercayaan.

Justeru, kajian awal perlu dijalankan bagi mengkaji kebolehppercayaan dan ukuran kesahan bagi kesemua instrumen tersebut sebelum melakukan kajian sebenar. Ini kerana, menurut [Prmlal \(2004\)](#), kelebihan menggunakan ujian awal adalah untuk membantu mengesan kemungkinan berlaku kecacatan dalam prosedur pengukuran, untuk mengenal pasti item yang tidak jelas atau dirumus secara samar-samar dan proses itu membolehkan penyelidik melihat tingkah laku bukan lisan dalam responden, iaitu rasa tidak selesa atau malu tentang isi kandungan atau perkataan soalan.

Malahan, kajian awal adalah langkah penting dalam penyelidikan yang boleh digunakan untuk menilai kebolehppercayaan dan kesahan instrumen bagi mengurangkan kesilapan semasa kajian sebenar dijalankan khususnya untuk aplikasi silang budaya. Keperluan untuk memiliki sifat psikometrik yang baik merupakan usaha bagi menjana hasil yang boleh dipercayai dan sah dalam sesebuah budaya menjadi sasaran penting. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kebolehppercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan untuk mengukur pembolehubah sokongan sosial, sokongan sendiri dan juga bebanan emosi sama ada item yang disenaraikan bertindak sebagai instrumen adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan berskala besar.

2. Metod Kajian

2.1. Alat kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada soalan merangkumi bentuk sokongan sosial, sokongan sendiri dan bebanan emosi digunakan bagi mengukur kesemua aspek tersebut yang dialami subjek. Instrumen kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A mengandungi 12 soalan yang berbentuk maklumat peribadi dan ciri-ciri demografi responden. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan instrumen *Medical Outcomes Study Social Support Survey (MOS-SSS)*, *Interpersonal Support Evaluation List (SSPS-AS)* dan *Emotion Regulation Questionnaire (ERQ)*.

MOS-SSS adalah merupakan soalan soal selidik yang diperkenalkan oleh [Zimet et al. \(1988\)](#) untuk mengukur persepsi subjektif sokongan sosial. MOS-SSS juga merupakan soal selidik yang mengandungi 12 item untuk mengukur persepsi ketersediaan dan kecukupan sokongan sosial dari segi sokongan keluarga, rakan, dan individu signifikan. Manakala instrumen bagi SSPS-AS direka bentuk oleh [Cohen dan Hoberman \(1983\)](#) untuk mengukur persepsi ketersediaan sokongan dalaman individu yang mempunyai 16 item. Manakala instrumen ERQ pula dibentuk oleh [Gross dan John \(2003\)](#), yang mana ianya adalah soal selidik laporan sendiri dan penilaian serta pengawalan emosi yang mempunyai 10 item.

2.2. Subjek dan Tempat Kajian

Kajian ini akan dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Sabah, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Pemilihan lokasi berdasarkan wujudnya sampel yang bersesuaian dan kebolehpencapaian pengkaji untuk menjalankan kajian di lokasi tersebut. Seramai 52 sampel kajian akan dipilih sebagai responden dalam kajian rintis ini.

3. Dapatan Kajian

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam ujian rintis ini adalah seramai 52 orang sahaja. Sebilangan besar responden adalah perempuan (n=43) berbanding lelaki (n=9). Kebanyakan responden yang terlibat adalah daripada kalangan yang berumur 20 tahun (n=34) diikuti dengan responden yang berumur 19 tahun (n=15) dan responden yang paling sedikit adalah responden yang berumur 21 tahun (n=3). Responden dalam kajian ini kebanyakannya menetap di luar bandar (n=28) berbanding responden yang tinggal di bandar (n=24). Sebilangan besar responden adalah beragama Islam (n=32), Kristian (n=13) dan kebanyakan mereka adalah kaum Melayu (n=14) diikuti dengan kaum Kadazan Dusun (n=11). Tahap pendidikan yang diterima oleh responden kebanyakannya adalah pada STPM atau yang setaraf (n=23). Keseluruhan responden adalah pelajar tahun 1 dan rata-rata mereka mempunyai pengalaman menggunakan komputer/*laptop* (n=49). Tahap kesihatan responden juga sebahagian besar adalah pada tahap yang sihat (n=50), namun terdapat 2 responden mempunyai penyakit. Kebanyakannya bilangan adik-beradik responden adalah seramai 3 orang (n=13) diikuti dengan responden yang memiliki bilangan adik beradik seramai 5 orang (n=11). Data demografi responden yang lebih jelas telah disediakan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Ciri-Ciri Demografi Responden Kajian (n=263)

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan (%)
Jantina	
Lelaki	44 (16.7)
Perempuan	219 (83.3)
Tempat Tinggal	135 (51.3)
Bandar	124 (47.1)
Luar Bandar	2 (0.8)
Pedalaman	1 (0.4)
Pertengahan	1 (0.4)
Sub urban	
Agama	22 (8.4)
Buddha	8 (3.0)
Hindu	169 (64.3)
Islam	64 (24.3)
Kristian	
Kaum	
Arab	1 (0.4)
Bajau	31 (11.8)
Bisaya	5 (1.9)
Brunei	14 (5.3)
Cina	33 (12.5)
Iban	7 (2.7)
Kadazan Dusun	47 (17.9)
Melayu	79 (30.0)
Orang Asli	1 (0.4)
Rungus	8 (3.0)
Sino	5 (1.9)
Lain-lain	31 (11.8)
Tahap Kesihatan	

Mempunyai Penyakit	8 (3.0)
Sihat	255 (97.0)

3.1. Kebolehpercayaan Alat Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan satu ujian awal sebelum mengendalikan kajian sebenar. Ujian ini dikendalikan adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehpercayaan alat kajian. Menurut [Janna dan Herianto \(2021\)](#) terdapat pelbagai cara untuk menguji kesahan instrumen kajian, iaitu Tes Ulang, Formula Flanagan, *Cronbach's Alpha*, Formula KR (Kuder-Richardson) dan Anova Hoyt, namun kaedah *Cronbach's Alpha* adalah kaedah yang sering digunakan untuk menguji kesahan sesuatu instrumen. Hal ini kerana ia dilihat sebagai ukuran kebolehpercayaan yang paling sesuai apabila menggunakan skala Likert ([Hamed Taherdoost, 2016](#)). Oleh yang demikian kajian ini telah menggunakan kaedah pekali *Cronbach Alpha* untuk mengukur nilai kebolehpercayaan item-item. [Jadual 2](#) mempamerkan nilai kebolehpercayaan bagi kesemua instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 2: Pekali Kesahan *Cronbach Alpha*

Skala	Sub Skala	Pekali Alpha Sub Skala
MOS-SSS	Total	0.934
	<i>Emotional support</i>	0.918
	<i>Tangible support</i>	0.739
	<i>Affectionate support</i>	0.721
	<i>Positive social interaction</i>	0.814
SSPS-AS	Total	0.707
	<i>Independence</i>	0.674
	<i>Initiative</i>	0.647
	<i>Responsibility</i>	0.574
	<i>Flexibility</i>	0.710
	<i>Openness</i>	0.727
ERQ	Total	0.737
	<i>Cognitive Reappraisal</i>	0.856
	<i>Expressive Suppression</i>	0.724

Nilai *Cronbach Alpha* untuk semua domain versi Bahasa Melayu MOS-SSS termasuk jumlah keseluruhan skor MOS-SSS berjalut dari 0.934 hingga 0.721. Nilai yang paling rendah untuk domain MOS-SSS adalah sokongan kasih sayang (*Affectionate support*) manakala yang nilai paling tinggi adalah sokongan emosi (*Emotional support*). Kesemua domain iaitu sokongan emosi (*Emotional support*), sokongan ketara (*Tangible support*), sokongan kasih sayang (*Affectionate support*) dan sokongan interaksi sosial positif (*Positive social interaction*) menunjukkan nilai *Cronbach alpha* melebihi 0.70 .

Manakala bagi SSPS-AS, nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* untuk semua domain versi Bahasa Melayu SSPS-AS termasuk jumlah keseluruhan skor SSPS-AS berjalut dari 0.285 hingga 0.866. Nilai paling rendah untuk domain SSPS-AS adalah sokongan ketara (*Tangible items*) manakala nilai yang paling tinggi adalah sokongan penilaian (*Appraisal items*). Hanya dua domain iaitu sokongan penilaian (*Appraisal items*) dan sokongan (*Belonging items*) menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.60.

Seterusnya bagi ERQ pula, nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* untuk semua domain versi Bahasa Melayu ERQ termasuk jumlah keseluruhan skor ERQ berjalut dari 0.724 hingga 0.856. Nilai paling rendah untuk ERQ adalah domain *Expressive Suppression*

(penundaan ekspresif) manakala nilai yang paling tinggi adalah *Cognitive Reappraisal*. Kesemua domain iaitu *Cognitive Reappraisal* dan *Expressive Suppression* menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.70.

3.2. Kesahan Konvergent

Kesahan instrumen diuji ketekalan dalamannya menggunakan kaedah analisis item keseluruhan untuk melihat hubungan antara item dengan keseluruhan MOS-SSS, SSPS-AS dan ERQ. Magnitud korelasi (*Pearson's r*) antara domain versi Bahasa Melayu MSPSS dan jumlah keseluruhan skor MOS-SSS adalah antara 0.715-0.898 (semua $p < 0.05$). Hubungan yang paling kuat ditunjukkan oleh domain sokongan emosi, diikuti hubungan sosial yang positif dan sokongan kasih sayang. Pautan hubungan yang sedehana lemah ditunjukkan oleh domain sokongan ketara (*tangible*). Namun begitu, tahap semua korelasi adalah melebihi 0.40 dan dianggap sebagai mempunyai hubungan yang kuat. Keputusan ditunjukkan dalam [Jadual 3](#).

Jadual 3: Korelasi (*Pearson's r*) antara domain dan keseluruhan MOS-SSS versi Bahasa Melayu

Item / Domain	Total MOS-SSS Score MOS-SSS
<i>Emotional support</i>	0.898
<i>Tangible support</i>	0.715
<i>Affectionate support</i>	0.801
<i>Positive social interaction</i>	0.812

Semua domain menunjukkan korelasi yang kuat dengan jumlah keseluruhan skor SSPS-AS versi Bahasa Melayu. Kekuatan hubungan adalah antara 0.573-0.917. Domain bagi sokongan penilaian (*Appraisal*) menunjukkan korelasi yang paling kuat diikuti oleh domain sokongan ketara (*tangible*). Pautan hubungan yang lemah ditunjukkan oleh domain sokongan kepunyaan (*Belonging*). Namun begitu, tahap semua korelasi adalah melebihi 0.40 dan dianggap sebagai mempunyai hubungan yang kuat. Keputusan ditunjukkan dalam [Jadual 4](#).

Jadual 4: Korelasi (*Pearson's r*) antara item/ domain dan keseluruhan SSPS versi Bahasa Melayu

Item / Domain	Total SSPS-AS Score SSPS-AS
<i>Independence</i>	0.674
<i>Initiative</i>	0.647
<i>Responsibility</i>	0.574
<i>Flexibility</i>	0.710
<i>Openness</i>	0.727

Magnitud korelasi (*Pearson's r*) antara domain versi Bahasa Melayu ERQ dan jumlah keseluruhan skor ERQ adalah antara 0.516-0.795 (semua $p < 0.05$). Hubungan yang paling kuat ditunjukkan oleh domain (*Cognitive Reappraisal*). Pautan hubungan yang agak lemah ditunjukkan oleh domain penundaan ekspresif (*Expressive Suppression*). Namun begitu, tahap semua korelasi adalah melebihi 0.40 dan dianggap sebagai mempunyai hubungan yang boleh diterima. Keputusan ditunjukkan dalam [Jadual 5](#).

Jadual 5: Korelasi (*Pearson's r*) antara item/ domain dan keseluruhan ERQ versi Bahasa Melayu

Item / Domain	Total ERQ Score
	ERQ
<i>Cognitive Reappraisal</i>	0.795
<i>Expressive Suppression</i>	0.516

4. Perbincangan Kajian

Kebanyakan instrumen pada asalnya dihasilkan dalam konteks budaya Barat. Oleh yang demikian, usaha awal mesti ditumpukan kepada pembangunan dan penyesuaian instrumen dalam suasana budaya lain jika penilaian sama yang ingin dicapai. Tetapi yang lebih penting, amalan ini tidak akan lengkap tanpa ujian awal bagi mengetahui sifat psikometrik sesuatu instrumen. Hal ini konsisten dengan [Guyatt \(1993\)](#), melaporkan fasa pra-ujian adalah penting untuk menentukan sama ada instrumen berkenaan boleh berfungsi seperti yang diharapkan sebelum ianya dapat dilaksanakan dalam mana-mana kajian berskala lebih besar untuk menghasilkan tafsiran yang lebih sah.

Keputusan daripada kajian ini telah mengukuhkan kepentingan penilaian awal sifat psikometrik alat baru yang disesuaikan dengan budaya setempat. Seperti yang dilaporkan dalam dapatan bagi SSPS-AS, antara percubaan adalah dengan mengeluarkan item 8 (disebabkan ketidakkonsistenan dan ketidakrelevanan) dan mengubah suai item 10 dalam domain sokongan ketara (*tangible*) jelas meningkatkan kebolehpercayaan konsistensi dalaman dalam majoriti domain dalam SSPS-AS-15 versi Bahasa Melayu. Usaha ini telah berjaya untuk menghasilkan nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.60. Malah, jika 0.50 dianggap mencukupi untuk pengukuran kebolehpercayaan ketekalan dalaman seperti yang dicadangkan oleh beberapa penyelidik ([Sigurdardottir et al., 1993](#)), maka kesemua domain versi Bahasa Melayu SSPS-AS-15 telah mencapai piawaian ini. Secara keseluruhannya, kehilangan 1 item daripada jumlah 16 item telah memberi manfaat dalam meningkatkan kebolehpercayaan konsistensi dalaman keseluruhan alat.

Ringkasnya, hasil daripada kajian yang diperolehi telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga instrumen ini mempunyai kepercayaan ketekalan dalaman yang baik, yakni nilai pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi kesemua instrumen adalah melebihi .60. Ini selari dengan pendapat [Kerlinger \(1973\)](#) yang menjelaskan sesuatu alat kajian yang mempunyai nilai kebolehpercayaan yang melebihi .60 mempamerkan bahawa nilai kesemua instrumen adalah tinggi dan ianya merupakan alat yang boleh dipercayai dan sah untuk digunakan. Misalnya hasil dapatan bagi soal selidik MOS-SSS memiliki tahap kesahan yang sangat baik dengan tahap konsistensi yang tinggi (pekali *Cronbach Alpha* = 0.934). Ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh [Mahmud et al. \(2004\)](#) yang juga menggunakan soal selidik MOS sokongan sosial versi Bahasa Melayu turut mendapati nilai kebolehpercayaan yang baik (*Cronbach Alpha* = 0.93). Sehubungan dengan itu, kajian ini telah mendapati bahawa instrumen tersebut adalah baik, sah dan boleh dipercayai.

Manakala hasil kajian soal selidik SSPS-AS juga mempunyai tahap kesahan yang sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi (pekali *Cronbach Alpha* = 0.707). Kajian yang dijalankan oleh [Xia et al. \(2012\)](#) juga mendapati bahawa analisis menunjukkan kebolehpercayaan internal konsistensi yang kukuh bagi SSPS-AS dan subskala SSPS-AS. Tujuan soal selidik SSPS-AS ini digunakan dalam kajian adalah untuk mengukur tahap sokongan sendiri pelajar. Menurut [Abdullah et al. \(2009\)](#) mengatakan

keupayaan melakukan persepsi serta mampu menyampaikan emosi yang betul dalam diri dan orang lain merupakan kemahiran interpersonal yang sangat diperlukan dalam diri individu yang bergelar pelajar bagi memupuk perhubungan dengan orang lain serta dapat menyesuaikan emosi dan sosial. Seterusnya bagi alat kajian ERQ secara keseluruhan pula menunjukkan hasil penilaian kesahan *Cronbach Alpha* yang baik dan boleh diterima (pekali kesahan *Cronbach Alpha* = 0.737). Hasil kajian tersebut hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh Ba'iah dan Griffiths (2021) yang juga menjalankan kajian di Malaysia menggunakan instrumen ERQ, didapati kebolehpercayaan ERQ dalam kajian tersebut adalah baik (*Cronbach Alfa* =.78). ERQ juga mempunyai kesahan yang baik dan kebolehpercayaan ujian-uji semula (.69), serta internal konsistensi (*Reappraisal*: $r= 0.79$; *Suppression*: $r= 0.73$) (Gross & John, 2003). Sementara itu, instrumen ERQ yang diterjemah oleh Cabello et al. (2013) bagi menjalankan kajian terhadap responden di Sepanyol sebanyak 866 dari umur 18 hingga 80 tahun telah mendapat keputusan yang mengesahkan struktur dua faktor, dan menunjukkan ketekalan dalaman (*adequate internal consistency*) yang mencukupi, kebolehpercayaan ujian-ujian semula yang baik (*test-retest reliability*), serta kesahan konvergen dan diskriminasi (*convergent and discriminant validity*) yang baik.

Manakala kesahihan kesemua instrumen yang diperolehi melalui kaedah ketekalan dalaman item dengan mengkorelasikan item keseluruhan dengan setiap item dalam alat kajian ukuran telah menunjukkan kesahihan yang baik. Purata nilai pekali korelasi item keseluruhan instrumen adalah sederhana dan tinggi. Kesahan konvergen sesuatu instrumen boleh diwujudkan dengan mengkaji kekuatan korelasi antara domain/item dan domain berkaitannya apabila nilai *Pearson's r* melebihi 0.40 dan boleh dianggap sebagai mempunyai korelasi kuat (Bjordal et al., 2000). Berikutan itu, kesemua instrumen versi Bahasa Melayu telah menunjukkan bukti kesahihan konvergen kerana semua domain telah menghasilkan perkaitan yang kukuh dengan jumlah skor instrumen masing-masing. Ia jelas menunjukkan bahawa item atau domain dalam instrumen mengukur isu utama yang dimaksudkan dalam kalangan semua subjek ini; MOS-SSS, SSPS-AS dan ERQ. Selain daripada ini, hasil kajian menunjukkan bahawa sokongan emosi, kasih sayang, hubungan sosial positif, penilaian dan kepunyaan merupakan sokongan dan bentuk emosi yang memerlukan perhatian rapi dalam populasi sampel kajian ini nanti. Dapatan ini dijangka berfungsi sebagai panduan penting untuk profesional pendidikan dan penjagaan kesihatan dalam merangka pelan dan strategi mereka untuk memenuhi kelompongan sokongan yang berkaitan.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa pindaan yang dijalankan selepas kajian rintis telah meningkatkan dengan ketara kebolehpercayaan ketekalan dalaman instrumen. Hal ini menjelaskan kepentingan kajian rintis dalam meperihalkan sifat psikometrik bagi instrumen yang diterjemahkan secara silang budaya sebelum penggunaannya secara meluas dan hasilnya dapat digeneralisasikan. Kajian rintis hendaklah sentiasa dijalankan terutamanya dalam percubaan untuk menggunakan instrumen yang dibangunkan dalam budaya yang berbeza.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa kajian rintis banyak membantu dalam memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan pengukuran dan ia dapat mengurangkan ralat yang boleh berlaku semasa kajian sebenar. Namun begitu, bagi memastikan ukuran tersebut benar-benar dapat mengukur konstruk, pengkaji perlu memastikan ukuran tersebut boleh dipercayai dan sah. Oleh sebab itu, pengkaji perlu menguji sifat psikometrik

pengukuran iaitu kebolehpercayaan dan kesahan melalui kajian rintis. Hasil kajian memberi implikasi tentang kepentingan dalam menjalankan kajian kebolehpercayaan dan kesahihan ke atas sesuatu alat ukuran. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan kajian yang dilakukan tanpa mengambil kira kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen bakal menghasilkan keputusan yang boleh dipertikaikan ketepatnya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan etika penyelidikan yang disediakan oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan peserta dijalankan mengikut piawaian etika institusi. Penulis juga mengisytiharkan bahawa artikel ini memenuhi penulisan ilmiah yang betul dengan menyenaraikan sumber rujukan bagi setiap penulisan yang dibuat.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua peserta kajian yang telah banyak membantu dalam menjayakan kajian ini dengan jayanya. Penulis juga ingi mengucap ribuan terima kasih atas segala bantuan, dorongan dan bimbingan yang telah diberikan oleh pensyarah, keluarga, rakan-rakan serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Geran penyelidikan UMS (SBK0472-202)

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Maria Chong, Elias Habibah Mahyuddin Rahil & Uli Jegak (2009) Penyesuaian dalam kalangan pelajar baharu di Universiti. *Malaysian Education Deans' Council Journal*, 3, 1-20.
- Aguilera-Hermida, A. P. (2020). College students' use and acceptance of emergency online learning due to COVID-19. *International Journal of Educational Research Open*, 1, 100011. Doi: doi.org/10.1016/j.ijedro.2020.100011
- Ba' Yah Abdul Kadir, N. & Griffiths, M.D. (2021). Psychosocial Risk Factors for Depression Among Married Muslim Mothers in Malaysia. *Int J Ment Health Addiction*, 20, 1405–1422. <https://doi.org/10.1007/s11469-020-00452-4>
- Bjordal, K., De Graeff, A., Fayers, P. M. et al. (2000). A 12 country field study of the EORTC QLQ-C30 (version 3.0) and the head and neck cancer specific module (EORTC QLQ-H&N35) in head and neck patients. *European journal of cancer*, 36(14), 1796-1807.
- Cabello, R., Salguero, M. J., Ferná ndez-Berrocal, P., & Gross, J. J. (2013). A Spanish adaptation of the Emotion Regulation Questionnaire. *European Journal of*

- Psychological Assessment*, 29(4), 234–240.
<https://doi.org/10.1027/10155759/a000150>
- Cohen, S., & Hoberman, H. M. (1983). Positive events and social supports as buffers of life change stress. *Journal of Applied Social Psychology*, 13(2), 99–125.
<https://doi.org/10.1111/j.1559-1816.1983.tb02325.x>
- Gross, J. J., & John, O. P. (2003). Individual differences in two emotion regulation processes: implications for affect, relationships, and well-being. *Journal of personality and social psychology*, 85(2), 348–362.
<https://doi.org/10.1037/0022-3514.85.2.348>
- Guyatt, G. (1993). The philosophy of health-related quality of life translation. *Quality of Life Research*, 2, 461-465.
- Hamed Taherdoost. (2016). Validity and Reliability of the Research Instrument: How to Test the Validation of a Questionnaire/Survey in Research. *International Journal of Academic Research in Management*, 5(3). Retrieved from <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3205040>
- Irawan, A. W., Dwisona, D., & Lestari, M. (2020). Psychological impacts of students on online learning during the pandemic COVID-19. *KONSELI: Jurnal Bimbingan dan Konseling (E-Journal)*, 7(1), 53-60.
<https://doi.org/10.24042/kons.v7i1.6389>
- Janna, N. M., & Herianto, H. (2021). *Konsep Uji Validitas Dan Reliabilitas Dengan Menggunakan SPSS. Diperoleh dari* https://www.researchgate.net/publication/348688854_Konsep_Uji_Validitas_Dan_Reliabilitas_Dengan_Menggunakan_SPSS. Doi:10.31219/osf.io/v9j52
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. Holt, Rinehart and Winston Inc., New York.
- Labrague, L. J., De Los Santos, J., & Falguera, C. C. (2021). Social and emotional loneliness among college students during the COVID-19 pandemic: The predictive role of coping behaviors, social support, and personal resilience. *Perspectives in Psychiatric Care*, 57(4), 1578–1584. <https://doi.org/10.1111/ppc.12721>
- Mahmud, W. M. , Awang, A., & Mohamed, M. N. (2004). Psychometric evaluation of the medical outcome study (MOS) social support survey among Malay postpartum women in Kedah, North West of Peninsular Malaysia. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, 11(2). 26-33.
- Marzita Abu Bakar, Nur Hafizah Mahamad & Mardhiah Abu Bakar (2020). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Skala Pengukuran Kecerdasan Emosi. *Akademika*, 90(3), 29-41.
- Rohayati Junaidi, Tengku Mohd Ali, Tengku Intan Marlina & Mamat Madiawati. (2020). Pandemi COVID-19 dalam Persekitaran Kanak-kanak menerusi Engkaulah Adiwiraku. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 31-45. Doi: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.3.2020>
- Pramlal, A. (2004). *The influence of team cohesiveness on team effectiveness*. [Unpublished doctoral's thesis]. UKNZ. Diperoleh dari <https://ukzn-dspace.ukzn.ac.za/handle/10413/357>
- Sigurdardottir, V., Bolund, C., Brandberg, Y., & Sullivan, M. (1993). The impact of generalized malignant melanoma on quality of life evaluated by the EORTC questionnaire technique. *Quality of Life Research*, 2, 193-203.
<https://doi.org/10.1007/BF00435223>
- Xia, L., Liu, J., Ding, C., Hollon, S.D., Shao, B., & Zhang, Q. (2012). The relation of self-supporting personality, enacted social support, and perceived social support. *Personality and Individual Differences*, 52, 156-160.
 Doi:10.1016/J.PAID.2011.10.002

Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet, S. G., & Farley, G. K. (1988). The Multidimensional Scale of Perceived Social Support. *Journal of Personality Assessment*, 52(1), 30–41. https://doi.org/10.1207/s15327752jpa5201_2